



KHBAR	:	BERITA HARIAN
TARIKH	:	5/1/2017
JABATAN	:	JAS
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN
MUKA SURAT	:	22

Perlanggaran dua kapal kontena di Pelabuhan Pasir Gudang

Info

→ MT Wan Hai 301 dan MT APL Denver berlabuh di hadapan Pelabuhan Pasir Gudang

→ APL Denver sedang bersauh ketika perlanggaran manakala Wan Hai 301 sedang memasuki pelabuhan

→ Kapasiti tangki minyak APL Denver 300 tan

→ Tumpahan minyak dikawal oleh Pelabuhan Johor dan MPA dalam perairan sendiri

[FOTO HAIRUL ANUAR RAHIM /BH]



Tumpahan minyak seluas lima kilometer berlaku selepas dua kapal kontena berlanggar di kawasan pemunggaan di Pelabuhan Pasir Gudang, semalam.

Tumpahan minyak ancam kehidupan 350 nelayan

→ Dua kapal kontena berlanggar di Pelabuhan Pasir Gudang

Oleh Zuraidah Mohamed
zmohamed@bh.com.my

► Johor Bahru

Dua kapal kontena berlanggar dalam kejadian lewat malam kelmarin, sehingga menyebabkan berlaku tumpahan minyak yang dianggarkan seluas kira-kira lima kilometer (km), di kawasan pemunggaan di Pelabuhan Pasir Gudang, dekat sini.

Kejadian kira-kira jam 11 malam itu membabitkan kapal MT

APL Denver yang didaftarkan di Gibraltar dan MT Wan Hai 301 dengan pendaftaran Singapura itu menyebabkan lebih 350 nelayan termasuk ternakan ikan dalam sangkar di enam perkampungan nelayan di sekitar kawasan itu didakwa terjejas.

Kapal alami kerosakan

Pengerusi Jawatankuasa Alam Sekitar dan Kesihatan negeri, Datuk Ayub Rahmat, berkata MT Wan Hai 301 yang sedang memasuki pelabuhan dilaporkan mengalami kerosakan *power failure* (masalah sumber tenaga) menyebabkannya tidak boleh dikawal sebelum berlanggar bahagian sisi kanan MT APL Denver yang sedang bersauh.

"Pemantauan yang dilakukan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) mendapati kebanyakan tumpahan memasuki kawasan perairan Singapura. Pulau Ubin dilihat menerima impak tumpahan berkenaan," katanya ketika

dihubungi BH di sini, semalam.

Ayub berkata, JAS kini sedang menjalankan siasatan di kedua-dua kapal dan mengadakan Mesyuarat Pengaktifan Bencana Negeri Johor yang membabitkan beberapa agensi, termasuk bagi mengenal pasti punca dan jumlah tumpahan sebenar.

Sementara itu, Lembaga Maritim dan Pelabuhan Singapura (MPA) dalam satu kenyataan, mengesahkan kejadian tumpahan minyak berlaku di kawasan barat Pulau Ubin.

Tumpahan terburuk

Katanya, tiada kecederaan dilaporkan dan pihaknya sudah mengaktifkan lapan bot anti pencemaran dengan keupayaan semburan untuk membersihkan minyak yang tertumpah, selain mengesahkan trafik di Selat Johor Timur dan operasi pelabuhan Singapura tidak terjejas.

Sementara itu, Pengerusi Persekutuan Nelayan Kawasan Johor

Selatan, Azli Mohd Aziz meminta nelayan menghentikan aktiviti tangkapan selama seminggu bagi mengelak kerosakan peralatan menangkap ikan susulan tumpahan minyak yang disifatkan terburuk sejak 2000.

Katanya, kejadian itu menjejaskan nelayan di Kampung Pasir Gudang Baru, Pasir Putih, Kuala Masai, Orang Asli Kuala Masai, Orang Asli Pasir Putih dan Orang Asli Teluk Kabung, dekat sini.

Beliau mendakwa hasil pemantauan pihaknya mendapati kesan tompokan minyak membabitkan kawasan seluas kira-kira lima kilometer.

"Kami masih menunggu laporan penuh daripada ahli perikanan yang terjejas, sebelum mengambil langkah susulan, termasuk meminta ganti rugi daripada pihak berkuasa selain Lembaga Johor untuk tindakan sewajarnya," katanya.